

Teks Ucapan Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Melaka

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 14/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

14 OKTOBER 2022 | JUMAAT | 3.30 PETANG

**PUSAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA(MITC),
AYER KEROH MELAKA, MELAKA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) bagi menjayakan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka dan seluruh warga Kerajaan Negeri Melaka, selaku tuan rumah bagi jelajah siri kesebelas ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai kementerian peneraju dan seluruh warga KPWK M atas penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia kali ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Kerajaan sentiasa memastikan Keluarga Malaysia di negeri Hang Tuah ini terus mengecapi kemakmuran. Ini diperkukuhkan menerusi konsep Keluarga Malaysia bertunjangkan tiga teras utama iaitu **Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran** tanpa meminggirkan mana-mana pihak.

5. Konsep yang mula diperkenalkan sewaktu saya mula menerajui tampuk pimpinan Kerajaan pada 22 Ogos 2021 yang lalu, kini menjadi semakin sinonim dengan gaya hidup dan kesepaduan Keluarga Malaysia pada hari ini.

6. Keluarga Malaysia menggambarkan keutuhan negara yang terikat dengan nilai didikan sempurna dalam sebuah keluarga dan bersifat inklusif kerana merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

7. Saya juga gembira kerana masyarakat berbilang kaum di negeri bersejarah ini meneruskan kehidupan harian secara harmoni ibarat sebuah keluarga. Bak kata pepatah, **“Pisang sesikat gulai sebelanga, tanda muafakat bersama- sama”**.

8. Melalui konsep Keluarga Malaysia, kita hidup dalam sebuah institusi keluarga yang sentiasa berperanan memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah, memastikan nasib setiap ahli keluarga terbela dan tidak dipinggirkan.

9. Konsep ini juga selari dengan nilai ‘tasamuh’ atau toleransi, merupakan antara resipi dalam mengekalkan kesejahteraan masyarakat, selain pentingnya memiliki sebuah Kerajaan yang berkebolehan mentadbir bagi kekal maju ke hadapan.

10. Dengan bersendikan konsep Keluarga Malaysia dan sifat tasamuh ini, segala perbezaan dan kepelbagaian yang dikurniakan Allah SWT di bumi bertuah ini, mampu dirai dan dihargai oleh seluruh rakyat dengan hati yang terbuka.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

11. Berkat kerjasama Keluarga Malaysia serta kecekapan Kerajaan dalam mentadbir negara, dalam tempoh lebih setahun ini telah mencatat banyak kejayaan meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran luar biasa.

12. Dalam tempoh itu, Malaysia muncul antara negara yang menyaksikan prestasi ekonomi terbaik di Asia Tenggara dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua 2022 berbanding 5.0 peratus pada suku pertama 2022.

13. Kejayaan ini disahut oleh Bank Dunia yang telah menyemak semula unjuran KDNK bagi tahun 2022 kepada 6.4 peratus berbanding 5.5 peratus yang diunjurkan pada bulan Mac lalu.

14. Alhamdulillah, Malaysia juga diiktiraf sebagai negara ke-18 paling aman di dunia daripada 163 negara dan kedua di Asia berdasarkan Indeks Keamanan Global (GPI) 2022, yang menjadi ukuran utama kedamaian global di dunia. Ini merupakan pencapaian terbaik Malaysia sejak GPI diperkenalkan pada tahun 2008.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

15. Pembangkang mendakwa, kononnya Malaysia bukan lagi destinasi pelaburan asing. Namun bagi separuh pertama 2022, pelaburan langsung asing (FDI) mencatat aliran langsung bersih lebih tinggi bernilai RM47.4 bilion.

16. Kerajaan juga sentiasa memantau kesan inflasi kepada harga barangan asas hingga berjaya mengawalinya ke tahap lebih rendah berbanding negara serantau.

17. Saya berkeyakinan ekonomi negara tahun ini mampu mencapai sasaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 6.5 peratus hingga 7 peratus dengan mengambil kira pencapaian separuh pertama tahun 2022 sebanyak 8.9 peratus.

18. Dalam tempoh setahun, Kerajaan Keluarga Malaysia telah berjaya mengembalikan pasaran buruh ke tahap guna tenaga penuh. Kadar pengangguran telah menurun untuk 12 bulan berturut-turut iaitu 3.7 peratus pada Julai 2022, berbanding 4.8 peratus pada Julai 2021.

19. Bagi meringankan beban Keluarga Malaysia, Kerajaan menyalurkan subsidi sebanyak RM77.7 bilion. Subsidi terbesar dalam sejarah.

20. Daripada jumlah itu, lebih 50 peratus adalah untuk subsidi petrol, diesel dan LPG iaitu RM41.7 bilion, bantuan terus kepada rakyat seperti tunai, pendidikan, pengangkutan dan pertanian bernilai RM25.7 bilion dan RM5.8 bilion untuk tarif elektrik.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

21. Pada sesi pembentangan Bajet 2023 yang bertemakan “**Keluarga Malaysia, Makmur Bersama**” yang lepas, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM372.3 bilion, bajet terbesar dalam lipatan sejarah negara. Peruntukan ini mencakupi semua lapisan masyarakat bagi memastikan tiada Keluarga Malaysia tertinggal. Daripada seawal usia dalam kandungan

sehinggalah warga emas, golongan B40, golongan M40, peniaga diceruk desa sehinggalah konglomerat di tengah kota, semuanya mendapat manfaat.

22. Daripada jumlah itu, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan bagi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) untuk memenuhi sasaran Sifar Kemiskinan Tegar pada akhir tahun 2025.

23. Peruntukan ini meningkat lima kali ganda berbanding RM150 juta pada tahun ini bagi memastikan tiada ahli Keluarga Malaysia yang dipinggirkan.

24. Fasa pertama BMTKM di Melaka, melibatkan dua lokaliti iaitu Jasin (Melaka Selatan) dan Alor Gajah (Melaka Utara) yang akan memanfaatkan 60 Ketua Isi Rumah (KIR).

25. Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) pula akan terus ditambah baik yang akan memberi manfaat kepada 8.7 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM7.8 bilion, berbanding 5 juta penerima dengan peruntukan RM5 bilion pada tahun ini. Ini merupakan bantuan tunai yang terbesar

dalam sejarah sehingga RM2,500 untuk setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang mempunyai lima orang anak.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

26. Sektor pelancongan di negeri ini akan terus diperkasakan, menerusi projek Ecotourism Paya Lebar dengan peruntukan RM2.3 juta dan projek menaik taraf Kolam Ayer Panas Gadek sebanyak RM17.9 juta.

27. Kerajaan turut meluluskan beberapa projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubahsuai dan Naik Taraf (PPUN) dengan nilai peruntukan sejumlah RM5.9 juta terhadap fasiliti pelancongan yang tidak digunakan sepanjang tempoh pandemik yang lalu.

28. Beberapa bantuan dan inisiatif turut diberi kepada penggiat pelancongan, misalnya pada tahun ini, sebanyak RM1.9 juta telah disalurkan kepada penggiat pelancongan di Melaka termasuk pengusaha inap desa (homestay) dan hotel, pemandu pelancong dan agensi pelancongan.

29. Bagi memastikan Keluarga Malaysia terus menikmati infrastruktur yang selesa dan selamat, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM22.3 juta untuk menyenggara jalan persekutuan di Melaka.

30. Dalam sektor pendidikan pula, terdapat 56 projek baharu dan sambungan di Melaka bagi pembangunan sekolah serta institusi pendidikan dengan kos keseluruhan RM788 juta.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

31. Dalam bidang kesihatan pula, Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Pergigian Pediatrik di Hospital Melaka sedang dinaik taraf. Klinik Kesihatan dengan kuarters Simpang Bekoh, Jasin sedang dibina dengan peruntukan RM63 juta dan dijangka siap pada tahun 2023 dan 2024.

32. Bagi pembangunan luar bandar, sejumlah RM442 juta diperuntukkan bagi 38 buah projek pembangunan di kawasan luar bandar untuk kelestarian, kesejahteraan dan keselesaan Keluarga Malaysia.

33. Bagi golongan berpendapatan rendah di Melaka, Kerajaan telah melaksanakan program perumahan rumah mampu milik (RMM) sebanyak 12,876 unit sama ada siap dibina atau dalam perancangan setakat bulan Ogos 2022.

34. Dalam pada itu, RM929.8 juta diluluskan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan RM585 juta bagi projek pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) untuk menangani masalah kekurangan bekalan air.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

35. Pada 10 Oktober lepas, saya telah mengumumkan pembubaran Parlimen ke-14 selepas mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah.

36. Dengan pengumuman itu, mandat akan dipulangkan kembali kepada rakyat kerana mandat rakyat adalah adalah penawar ampuh bagi menzahirkan kestabilan politik dan mewujudkan Kerajaan yang teguh, stabil serta dihormati selepas PRU15.

37. Kita memerlukan Kerajaan yang harmoni dan bersatu hati bagi menghadapi cabaran ini. Saya yakin Keluarga Malaysia Melaka akan menggunakan hak untuk memilih Kerajaan yang mampu mengekalkan kestabilan politik, memulih dan mengukuh ekonomi serta mengekalkan keharmonian dan perpaduan.

38. Akhir kata, saya sekali lagi berterima kasih kepada Keluarga Malaysia dan Kerajaan Negeri serta semua yang terlibat dalam penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Melaka pada kali ini.

39. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan **Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Melaka.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/jelajah-aspirasi-keluarga-malaysia/>